

12/01/1997

Umno 5 Dasawarsa dalam CD-ROM

KUALA LUMPUR: Lebih 1,000 dokumen, gambar serta bahan video dan audio mengenai sejarah 50 tahun penubuhan dan perjuangan Umno kini boleh diperolehi dalam bentuk CD-ROM.

Bahan dalam CD-ROM bertajuk 'Umno 5 Dasawarsa' itu, sebahagiannya tidak pernah diterbitkan.

CD-ROM itu diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Kamarul Ariffin di ibu pejabat parti itu, petang semalam.

Turut hadir ialah hampir semua anggota Majlis Tertinggi Umno, Pengerusi Eksekutif DRB-Hicom, Tan Sri Yahya Ahmad dan Ketua Eksekutif Business Focus, Datuk Amin Shah Omar Shah.

Sebahagian bahan dalam CD-ROM itu diambil dari Records Office London dan beberapa perpustakaan British, Ibu Pejabat Umno, Filem Negara dan Radio Televisyen Malaysia.

(END)